

80

NO SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
(JASIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 20.11.2017**

**YB DATO' SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH (JASIN)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha membasmi rasuah yang dilihat terus meningkat dalam tempoh 13 tahun yang lalu, berdasarkan 'corruption perception index'.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, sejak dari tahun 1959, usaha pencegahan rasuah telah dimulakan oleh Kerajaan dengan tertubuhnya Cawangan Siasatan Jenayah Khas di bawah Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang melaksanakan tugas-tugas mengesan dan menyiasat kes berunsurkan rasuah. Usaha ini terus ditambahbaik tahun demi tahun sehingga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) beroperasi secara rasmi pada 1 Januari 2009 melalui penggubalan Akta SPRM 2009 (Akta 694).

Berdasarkan *trend* skor dan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI), Transparency International dalam tempoh satu dekad yang lalu, terdapat persepsi dalam komuniti perniagaan antarabangsa dan pakar-pakar negara bahawa rasuah mencatatkan peningkatan secara beransur-ansur di Malaysia.

CPI bukan semata-mata untuk menunjukkan perbandingan tahap rasuah sesebuah negara, bilangan pendakwaan atau kes mahkamah berkaitan rasuah yang dapat diselesaikan semata-mata, malah CPI menunjukkan tahap keberkesanan sesebuah negara dalam menarik para pelabur, keberkesanan atau kecekapan pendakwaan dan penyelesaian kes-kes mahkamah dan keberkesanan peranan media dalam membongkarkan isu-isu rasuah yang terdapat dalam sesebuah negara. Kedudukan dan skor Malaysia dalam CPI sejak tahun 2004 hingga kini melalui pelbagai fasa naik dan turun. Pada tahun 2004, kedudukan Malaysia ialah yang ke-39 daripada 145 buah negara dan skor adalah 5.0. Skor negara semakin menaik sehingga tahun 2008 dan sedikit merosot pada tahun 2010 daripada 4.5 kepada 4.4 daripada 10 (skor 10 menunjukkan rasuah yang paling sedikit) dengan rankingnya kekal sama seperti pada tahun 2009, iaitu yang ke-56 daripada 178 buah negara.

Pada tahun 2014, CPI naik daripada kedudukan ke-53 pada tahun 2013 kepada kedudukan ke-50 dan skor meningkat daripada 50 pada tahun 2013 kepada 52. Kejayaan ini tidak berterusan apabila skor dan ranking Malaysia dalam CPI untuk dua tahun berturut-turut 2015 dan 2016 mengalami penurunan iaitu mendapat 50 skor pada tahun 2015 dan menurun kepada 49 pada tahun 2016.

Dengan adanya indeks seperti CPI ini, masih banyak yang perlu dilakukan oleh Malaysia dalam usahanya membanteras rasuah sekiranya langkah seperti skor CPI TI mula mencatatkan perubahan yang positif. Kerajaan akan terus mengukuhkan usaha yang lebih komprehensif ke arah tindakan yang lebih serius dan berkesan dengan peningkatan usaha dan tumpuan untuk menghapuskan amalan rasuah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang mensasarkan transformasi perkhidmatan awam merupakan satu cabaran yang besar dan seperti yang dapat dilihat, sedikit demi sedikit membawa hasil yang baik sepanjang tempoh tujuh tahun lepas sejak 2010. Keberhasilan ini juga bukan sahaja usaha gigih Kerajaan malah juga penyertaan daripada sektor swasta dan orang awam dalam usaha untuk membasmi rasuah, meningkatkan integriti dan tadbir urus negara. Pelbagai program meningkatkan integriti bersama agensi luar, sektor swasta dan belia telah dilaksanakan dalam tempoh terdekat ini dan antaranya penglibatan Malaysian Institute of Corporate Governance (MICG) sebagai platform untuk memberikan latihan berkaitan salah laku rasuah dan integriti kepada sektor korporat, sokongan padu daripada sektor korporat dalam pelaksanaan *Corporate Integrity Pledge* (CIP) dan sehingga kini terdapat 1,119 buah syarikat yang telah menandatangani CIP serta kolaborasi strategik Kerajaan dengan Business Integrity Alliance Berhad (BIA), sebuah pertubuhan bukan Kerajaan dalam usaha pemerkasaan integriti dan pelaksanaan tadbir urus baik di sektor swasta. Jalinan strategik ini akan memastikan agenda pemerkasaan

integriti dan tadbir urus swasta dapat dilaksanakan secara lebih berkesan melalui bidang kerjasama antara pihak Kerajaan dan BIA. Selain itu, golongan belia juga tidak ketinggalan dalam menunjukkan sokongan dalam pemberantasan rasuah dan meningkatkan integriti. Sejak tahun 2015, sebuah badan bukan kerajaan (NGO) belia, Empowering Youth Endeavors (EYE) telah bergiat secara aktif dalam memberi pendedahan berkaitan integriti kepada golongan sasar mereka terutamanya pelajar-pelajar universiti swasta dan awam.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan juga kekal komited dalam usaha membasmi rasuah di samping mewujudkan persekitaran integriti dalam sektor-sektor penting negara yang lain, tidak terkecuali sektor pembinaan yang mana Pakatan Anti-Rasuah Industri Pembinaan (*Anti-Corruption Coalition For Construction Industry*) melibatkan kerjasama erat antara SPRM, Kementerian Kerja Raya, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Sektor sumber manusia turut diberi perhatian apabila Kerajaan melaksanakan Aku Janji Majikan (Employer Mandatory Commitment, EMC) yang dijadualkan akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2018 bagi tujuan menggalakkan pengambilan buruh tempatan dalam sektor pekerjaan di samping membasmi gejala rasuah yang berlaku berikutan pengambilan buruh asing melalui ejen.

Sekian.